Oleh Helen Ang

(helenang.wordress.com)

Dalam rakaman kekecohan di sebuah ceramah 'Tamatkan Rejim Umno/BN' semalam, kedengaran seorang Mat Rempit menengking orang kaum India dan berkali-kali menggertak "berambus".

"Tak bagi can *(chance)* kat dia orang ni, bangsat nak hidup senang kat sini …" –*(saya tak berapa dengar apa yang diteriak seterusnya dalam bibit ini)*
– "mampus bagi semua orang".

W. Sambulingam, penyelenggara kebangsaan Hindraf, memberitahu saya bahawa kumpulan Mat Rempit itu telah menyuruh orang Melayu keluar dewan supaya mereka boleh "ajar Keling", iaitu penyokong Hindraf yang hadir ceramah.

Acara ABU-Asal Bukan Umno tersebut terpaksa dibatalkan gara-gara tindakan menggempur oleh samseng di dewan serbaguna MBSA di Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam.

FMT melaporkan bahawa kira-kira 30 orang Mat Rempit menggertak dengan menggunakan kayu dan topi keledar . Dalam laporan '*Mob disrupts ABU/Hindraf event, one hurt*', portal berita itu berkata Mat Rempit-Mat Rempit telah merempuh kerusi di dewan dengan motosikal mereka *(tengok video).*

Mereka kelihatan menendang kerusi dan mengangkat perkakas itu seolah-olah mahu menghentam kepala orang dengan kerusi.

http://www.malaysiakini.tv/video/22977/abu-hindraf-ceramah-attacked.html

[**Kemaskini:** Saya ganti video asal dengan versi baru *Malaysiakini TV* yang lebih tajam imej

dan audionya. Video *FMT* (ruj. komen pembaca Nik di bawah) yang saya muat turunkan pada awalnya ada di **SINI**.]

E. Nalini, pengarah eksekutif Suaram, menceritakan bahawa belia-belia yang menimbulkan huru-hara itu memakai kemeja-T yang berlambangkan logo BN dan Umno.

“As we were driving to the hall, there were about six or seven men beating up a boy with sticks,” kata Nalini kepada *Malaysiakini*.

According to Suara Rakyat Malaysia (Suaram) executive director E Nalini (*right*), the ceramah was disrupted by several youths sporting T-shirts with BN and Umno logos.

"The ceramah was to start about 9pm last night. As we were driving to the hall, there were about six or seven men beating up a boy with sticks," said Nalini.

This was confirmed by ABU coordinator Haris Ibrahim, who added that one young man was taken to the hospital.





FMT

FMT